

## Hukum Nun Sukun & Baris Tanwin 1: Ikhfa' Hakiki

Nun Sukun (نْ) dan Baris Tanwin( — ) mempunyai akhir bunyi yang sama iaitu 'N'. Maka hukum tajwid yang terjadi kerananya juga adalah sama.

Contoh bunyi,

أَنْ ≈ آ ≈ ĀN

بِنْ ≈ ب ≈ BĪN

مِنْ ≈ م ≈ MŪN

Perhatikan di atas bahawa bunyinya adalah sama untuk Nun Sukun dan Baris Tanwin.

### Ikhfa' Hakiki

أَنْتَ دَقَّ

Perhatikan 2 contoh diatas – **Nun Sukun / Baris Tanwin diikuti oleh huruf Ikhfa'** dipanggil **Ikhfa' Hakiki**, **menyembunyikan Nun Sukun atau Baris Tanwin ke sisi huruf Ikhfa'**. **Di baca dengung sempurna 2 Harakat.**

*Soalan: Bagaimanakah berlakunya Ikhfa' Hakiki dan berapakah huruf-huruf Ikhfa'? Sebutkan satu per satu. Bagaimanakah bacaannya dan berapa harakat?*

Langkah 3: Asas Dengung Dan Shaddah

*Jawapan: 'Ikhfa' Hakiki berlaku apabila Nun Sukun atau Baris Tanwin bertemu dengan huruf-huruf Ikhfa' yang 15*

*iaitu: ت ث ج، د ذ ز، س ش، ص ض، ط ظ، ف ق ك.*

*Ikhfa' Hakiki dibaca dengan Dengung Sempurna 2 harakat.'*

**Nota:**

Ikhfa' bermaksud Menyembunyikan.

Hakiki bermaksud Sebenar-benarnya.

Ikhfa' Hakiki bermaksud menyembunyikan sebenar-benarnya Nun Sukun atau Baris Tanwin ke sisi huruf-huruf ikhfa' yang 15 sambil dengung dan terus membunyikan huruf ikfa' yang berbaris berikutnya.

Nun Sukun ditulis dengan tidak bertanda (◌ْ) dan Baris

Tanwin ditulis tidak berselari (◌◌◌̣).

Daripada contoh diatas:

أَنْتَ ≈ ĀNG..TĀ

Membunyikan **ĀNG** dengan lidah berada diam di bawah (tidak diangkat menyentuh pada langit-langit) hampir menyebut bunyi TĀ sambil **DENGUNG** (2 Harakat) dan terus menyebut bunyi TĀ. -Faham dan praktiskan!-

Langkah 3: Asas Dengung Dan Shaddah

دِق ≈ DĪNG..QŌ

Membunyikan **DĪNG** dengan lidah berada diam di bawah (tidak diangkat menyentuh pada langit-langit) hampir menyebut bunyi QŌ sambil **DENGUNG** (2 Harakat) dan terus menyebut bunyi **QŌ**. -Faham dan praktisk

**Nota penting:**

Tanda '..' bermaksud – menyembunyikan (Nun Sukun atau Bunyi Tanwin) sambil mendengarkan bacaan sekadar 2 Harakat.

Syarat: Lidah tidak boleh menyentuh pada langit-langit semasa dengung. Jika menyentuh bacaan anda adalah salah.

15 huruf-huruf Ikhfa' Hakiki MESTI hafal.

Latihan Pengukuhan 1:

يَنْفَعُ	يَنْطِقُ	إِنْسَانٌ	مَنْ جَاءَ
أَنْتَ	يَنْظُرُ	تَنْسَى	كُنْتُمْ
قَجَدَ	بَاشَدَ	مَا جَهُوْ	تَطَبَا
تَافَا	حَاجَمَ	يَوْمِذَى	لَكَبِ

Hakcipta Terpelihara 2007©. Wajibtajwid.com

Langkah 1:Asas Baris dan Bunyi Langkah 2:Asas Mad Dan Sukun Langkah 3:Asas Dengung Dan Shaddah  
Ilham inovatif daripada kaedah pengajian tajwid terkini. Berkatkan ilmu yang anda pelajari dengan menerima daripada yang hak dan anda berlapang dada menerima pengisian ilmu daripadanya.

Latihan Pengukuhan 42:

فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ

Apakah nama hukum tajwid bergaris di atas?  
Bagaimanakah ia berlaku? Nyatakan cara bacaanya.

وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ

وَمَنْ أَصْدَقُ مِنَ اللَّهِ قِيلًا

Sebutkan nama hukum tajwid bagi yang bergaris diatas.  
Nyatakan juga kaedah bacaannya.

وَاللَّكْفَرِينَ عَذَابٌ أَلِيمٌ

فَأَمَّا مَنْ ثَقُلَتْ مَوَازِينُهُ

Tunjuk dan namakan semua hukum tajwid yang telah  
anda pelajari di dalam ayat di atas.

إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

Tunjuk dan nyatakan cara bacaan Wajibul Ghunnah, lafaz  
Allah dan Iqlab di dalam ayat di atas.